



# **BANK SOALAN**

## *Pendidikan Islam*

**PT3**

*Tingkatan  
KSSM*



## Bahagian A

1. Nyatakan maksud iman dari segi istilah.  
**A** Mengaku dalam hati, berikrar dengan lidah dan membuktikan dengan amalan tangan  
**B** Membenarkan dengan lisan, mengaku dalam hati dan beramal dengan anggota badan  
**C** Mengaku dalam hati, menyebut dengan lidah dan beramal dengan anggota badan  
**D** Membenarkan dengan hati, mengaku dengan lisan dan beramal dengan anggota badan
  - Kecintaan yang mutlak kepada Allah SWT
  - Mengesakan Allah dalam semua jenis ibadat
2. Pernyataan di atas merujuk \_\_\_\_\_ orang beriman.  
**A** jenis                   **C** sumber  
**B** kesan                   **D** ciri-ciri
3. Pilih padanan yang betul mengenai nama Allah SWT yang berikut.

<b>A</b>	Al-Ghaffar	Yang Maha Pemurah
<b>B</b>	Al-Halim	Yang Maha Agung
<b>C</b>	Al-Latif	Yang Maha Pengasih
<b>D</b>	Al-Jabbar	Yang Maha Penguasa
4. Berikut ialah kepentingan akidah dalam kehidupan muslim kecuali  
**A** menjadi benteng dalam hidup Muslim daripada perkara khurafat dan syirik  
**B** menambah pengetahuan untuk meningkatkan skor peperiksaan  
**C** merupakan tunjang kekuatan umat dan negara Islam  
**D** penentu kebahagiaan di dunia dan di akhirat
5. Pilih padanan yang betul mengenai istilah berikut.

<b>A</b>	Syumuliyah	Agama yang lengkap dan memenuhi semua keperluan hidup manusia
<b>B</b>	A'lamiyyah	Agama yang bersumberkan wahyu Allah SWT
<b>C</b>	Waqiyyah	Agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa dan budaya
<b>D</b>	Rabbaniyah	Agama yang sesuai diamalkan di semua tempat dan sepanjang zaman
6. Semua di bawah adalah ciri akidah yang salah kecuali \_\_\_\_\_.  
**A** mensyirikkan Allah  
**B** melakukan amalan yang bertentangan dengan akidah islam  
**C** mentauhidkan Allah  
**D** menafikan keesaan Allah
7. Antara ciri orang yang beriman kepada Allah \_\_\_\_\_.  
**A** takut kepada manusia  
**B** tidak mengesakan Allah  
**C** melakukan larangan-Nya  
**D** takut kepada Allah
8. Antara kesan orang yang beriman ialah \_\_\_\_\_.  
**A** tidak yakin kepada kekuasaan Allah  
**B** melakukan perkara mungkar  
**C** tidak percaya kepada Allah  
**D** menjauhi perkara mungkar



9. Berikut adalah contoh ibadat khusus kecuali
  - A bersuci
  - B solat fardu
  - C zakat
  - D sedekah
  
10. Air mutlak boleh digunakan untuk \_\_\_\_\_.
  - A berwuduk
  - B bertayamum
  - C istinjak
  - D samak
  
11. Cara menyucikan najis mutawassitah ialah \_\_\_\_\_.
  - A buang najis, basuhkan tempat yang terkena najis dengan mengalirkan air dan pastikan hilang dan suci daripada bau, rasa dan warna
  - B buang najis, renjis air pada tempat yang terkena najis
  - C basuhkan tempat yang terkena najis dengan mengalirkan air dan pastikan hilang dan suci daripada bau, rasa dan warna
  - C buang najis, basuhkan tempat yang terkena najis dengan satu kali basuhan air tanan dan enam kali basuhan air mutlak kemudian mengalirkan air dan pastikan hilang dan suci daripada bau, rasa dan warna
  
12. Berikut adalah alat yang boleh digunakan untuk menyamak kulit binatang kecuali
  - A daun akasia
  - B kulit delima
  - C tahi merpati
  - D batu tajam
  
13. Hukum berwuduk untuk melaungkan iqamat ialah \_\_\_\_\_.
  - A makruh              C sunat
  - B harus              D wajib
  
14. Antara berikut yang manakah amalan sunat ketika berwuduk?
  - I Menggosok gigi
  - II Berkumur-kumur
  - III Menyapu kedua-dua telinga
  - IV Mandi
  - A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
  
15. Berikut merupakan perkara yang mewajibkan mandi bagi perempuan sahaja kecuali
  - A wiladah
  - B istihadah
  - C haid
  - D nifas

- Mandi pada Hari Raya Aidiladha
  - Mandi sebelum berwukuf
  
16. Pernyataan di atas merujuk \_\_\_\_\_.
  - A mandi harus
  - B mandi sunat
  - C mandi makruh
  - D mandi wajib

17. Berikut ialah syarat sah solat kecuali
- A menghadap kiblat
  - B suci daripada hadas kecil dan besar
  - C berakal
  - D suci tempat, badan dan pakaian daripada najis
18. Antara berikut yang manakah isteri Nabi Muhammad SAW?
- I Juwairiah binti Al-Harith
  - II Hafsa binti Khuwailid
  - III Saudah binti Ali
  - IV Saffiyah binti Huyaa
  - A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
19. Berikut merupakan anak-anak Rasulullah SAW kecuali
- A Al-Qasim
  - B Al-Amin
  - C Abdullah
  - D Ibrahim
20. Nabi Muhammad SAW diberikan gelaran \_\_\_\_\_.  
A Al-Amin  
B As-Siddiq  
C Al-Faruq  
D Atiq
21. Nabi Muhammad menerima wahyu pada ketika baginda berusia \_\_\_\_\_.  
A 40 tahun  
B 41 tahun  
C 42 tahun  
D 45 tahun
- Dalam perjalanan, Rasulullah SAW ditunjukkan dengan pelbagai gambaran yang akan berlaku kepada umat baginda.
22. Pernyataan di atas merujuk peristiwa \_\_\_\_\_.  
A kerasulan Nabi Muhammad SAW  
B penerimaan wahyu  
C Israk dan Mikraj  
D perletakan Hajarul Aswad
23. Agama \_\_\_\_\_ ialah agama samawi yang diubah suai daripada ajaran Nabi Musa a.s..  
A Yahudi  
B Nasrani  
C Majusi  
D Hanif
24. \_\_\_\_\_ ialah kepercayaan yang dianuti oleh golongan penyembah api.  
A Yahudi  
B Nasrani  
C Majusi  
D Hanif



25. Siapakah khalifah ketiga khulafa ar-Rasyidin?  
**A** Sayidina Abu Bakar r.a.  
**B** Sayidina Umar r.a.  
**C** Sayidina Uthman r.a.  
**D** Sayidina Ali r.a.
26. Apakah gelaran yang diberikan kepada khalifah pertama?  
**A** Zunnurain  
**B** Paling kuat  
**C** As-Siddiq  
**D** Asadullah
27. Berikut merupakan sumbangan khalifah keempat kecuali  
**A** berusaha mengekalkan kestabilan negara  
**B** membina markas tentera di Parsi  
**C** meneruskan kutipan jizyah  
**D** mengasaskan takwim Islam
28. Berikut merupakan sumbangan khalifah ketiga kecuali  
**A** membentuk jawatankuasa untuk menyalin semula ayat al-Quran  
**B** memperkenalkan azan kedua pada hari Jumaat  
**C** memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah  
**D** membeli tanah untuk membesarkan Masjid Nabawi
29. Di manakah tempat kelahiran Sayidina Uthman bin Affan r.a.?  
**A** Mekah  
**B** Madinah  
**C** Syam  
**D** Mesir
30. Antara berikut yang manakah contoh akhlak mahmudah terhadap manusia?  
I Syukur  
II Qanaah  
III Pengasih  
IV Pemurah  
**A** I dan II                   **C** III dan IV  
**B** II dan III               **D** I dan IV
31. \_\_\_\_\_ merupakan akhlak mazmumah kepada Allah.  
**A** Syukur  
**B** Zikir  
**C** Sabar  
**D** Lagha
32. Maksud amanah dari segi bahasa ialah \_\_\_\_\_.  
**A** tunai janji  
**B** tanggungjawab  
**C** tidak pecah rahsia  
**D** menjaga harta
33. Menjaga amanah akan memudahkan seseorang melintasi \_\_\_\_\_.  
**A** jalan raya  
**B** titian sirat  
**C** longkang  
**D** parit

34. Allah meninggikan darjat orang yang \_\_\_\_\_ mengatasi kedudukan orang yang berharta.
- A baik  
B alim  
C berilmu  
D sompong
35. Berikut adalah akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu kecuali
- A dapat menambahkan keyakinan diri  
B ilmu yang dipelajari tidak akan diberkati  
C berdosa dan dimurka Allah SWT  
D dibenci oleh guru, rakan dan masyarakat
36. Kita hendaklah menjaga maruah diri dengan bercakap secara \_\_\_\_\_.
- A beradab  
B negatif  
C sopan santun  
D kemas
37. Berikut merupakan contoh akhlak mazmumah kepada Allah SWT kecuali
- A riyak  
B sompong  
C putus asa  
D lalai
38. Mengapakah umat Islam diwajibkan mempelajari ilmu fardu ain?
- A Memberi kekuatan mental kepada umat Islam  
B Asas untuk menjalani hidup berlandaskan syariat  
C Memelihara maslahat umum masyarakat  
D Meningkatkan pendapatan dan kekuatan perpaduan
39. Pilih pernyataan yang salah tentang implikasi tidak amanah terhadap keluarga.
- A Mencemarkan nama baik keluarga  
B Menjadi anak derhaka  
C Keselesaan awam terganggu  
D Dibenci oleh adik-beradik
40. Kita hendaklah sentiasa memakai pakaian yang kemas dan \_\_\_\_\_ untuk menjaga maruah diri.
- A bersih  
B keterlaluan  
C wangi  
D seksi

**Bahagian B**

1. (a) Firman Allah SWT:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ مَنْ لِكَ يَوْمَ الْدِينِ ۝ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝ صِرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِحِينَ ۝  
(Surah al-Fatiyah: 1 – 7)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT mentadbir hari pembalasan.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

sukar	hukuman	amalan	titian sirat	perbuatan	pantas
-------	---------	--------	--------------	-----------	--------

- (i) Segala \_\_\_\_\_ manusia akan ditimbang dan dihitung tanpa satu pun yang tertinggal.
- (ii) Malaikat juga berhak menentukan \_\_\_\_\_ yang diberikan kepada manusia.
- (iii) Orang kafir tidak akan melintasi \_\_\_\_\_ dengan mudah.
- (iv) Orang mukmin akan melintasi titian sirat dengan \_\_\_\_\_.

[4 markah]

(b) Berdasarkan ayat di atas, jelaskan maksud jalan yang direndai.

---



---



---

[2 markah]

(c) Terdapat pelbagai jalan dalam kehidupan kita.

Jelaskan jalan hidup yang anda pilih agar sentiasa direndai Allah.

---



---



---



---

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT:

وَلَتَبْلُونَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْحُرُوفِ وَالْجُوْعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الْصَّابِرِينَ ۝ الَّذِينَ إِذَا  
أَصَبْتُهُمْ مُّصِيبَةً قَالُواْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ۝  
(Surah al-Baqarah: 155 – 156)

Ayat di atas menjelaskan bahawa ujian merupakan sunatullah yang berlaku kepada manusia.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

darjat	sabar	kedudukan	dosa	hikmah	manfaat
--------	-------	-----------	------	--------	---------

- (i) Salah satu cara menghadapi musibah ialah sentiasa tabah dan \_\_\_\_\_ serta mengharapkan pahala daripada Allah SWT.
- (ii) Ujian Allah SWT dapat meningkatkan ketakwaan dan \_\_\_\_\_ manusia.
- (iii) Kita hendaklah berbaik sangka dengan Allah SWT bahawa setiap ujian pasti ada \_\_\_\_\_ di sebaliknya.
- (iv) Antara hikmah di sebalik ujian yang menimpa manusia ialah menghapuskan \_\_\_\_\_ dan mendapat pahala.

[4 markah]

- (b) Huraikan musibah daripada Allah SWT yang menimpa manusia.

---



---



---

[2 markah]

- (c) Orang mukmin sentiasa berada dalam kebaikan, iaitu apabila ditimpa musibah dia bersabar, maka baginya kebaikan dan dia bersyukur apabila diberi nikmat.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas?

---



---




---

[4 markah]

3. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا  
الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ  
لِدُنْنَا يُصِيبُهَا، أَوْ امْرَأَةٌ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.  
(Muttafaq Alaih)

Hadis di atas menjelaskan tentang kepentingan sifat ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara. Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]



- (b) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas.

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

- (c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dalam tulisan jawi.

Allah memerintahkan hamba-Nya agar bersifat ikhlas dalam melakukan sesuatu ibadat. Orang yang ikhlas akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

## Bahagian C

1. (a) Tulis (Waqiyyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan ciri Islam yang bersifat waqiyyah dan (Alamiyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan ciri Islam yang bersifat alamiyah.

(i) Agama yang realistik dan sesuai diamalkan di semua tempat.

(ii) Agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa.

(iii) Agama yang sesuai diamalkan oleh semua budaya.

(iv) Agama yang sesuai diamalkan sepanjang zaman.

[4 markah]

- (b) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Allah SWT melarang riba untuk menghindarkan penindasan tetapi membenarkan (pinjaman / penjamin), gadaian dan jual beli.
- (ii) Allah SWT melarang minum arak untuk menjaga (lidah / akal) tetapi membenarkan minum pelbagai minuman lain yang halal dan berkhasiat.
- (iii) Allah SWT melarang berzina untuk menjaga (nasab / kualiti) keturunan tetapi membenarkan perkahwinan.
- (iv) Allah SWT melarang judi, rasuah dan mencuri tetapi mewajibkan (wakaf / zakat) untuk membantu orang yang memerlukannya.

[4 markah]

- (c) Nyatakan maksud ciri Islam yang bersifat syumuliah dan rabbaniyah.

---

---

---

[2 markah]

Sesungguhnya Islam merupakan satu-satunya agama yang benar dan sesuai dengan fitrah manusia.

- (d) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

---

---

---

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan maksud Islam agama fitrah.

---

---

---

[2 markah]

- (ii) Jelaskan mengapa manusia memerlukan ajaran agama yang menepati fitrah.

---

---

---

---

[4 markah]

2. (a) Tulis (Benar) pada pernyataan yang berkaitan dengan ciri akidah yang benar dan (Salah) pada pernyataan yang berkaitan dengan ciri akidah yang salah.

- (i) Mengamalkan kepercayaan berlandaskan al-Quran dan as-Sunah.

- (ii) Menafikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT.

- (iii) Melakukan upacara dan istiadat yang selari dengan akidah Islam.

- (iv) Mensyirikkan Allah SWT.

[4 markah]

- (b) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Salah satu kepentingan akidah dalam kehidupan muslim ialah penentu (kebahagiaan / kesengsaraan) di dunia dan di akhirat.

- (ii) Islam terbukti agama yang tinggi apabila mampu mengatasi ilmu dan (kajian / akal) manusia.

- (iii) Sumber utama akidah Islam ialah al-Quran dan (hadis / kitab).

- (iv) Kebenaran Islam terbukti menerusi sifatnya yang bersesuaian dengan (tabiat / fitrah) manusia.

[4 markah]



- (c) Nyatakan maksud akidah dari segi bahasa dan istilah.

---

---

[2 markah]

Berpegang dengan akidah Islam dapat membentuk jati diri sebagai muslim sejati.

- (d) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

---

---

---

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan kepentingan akidah dalam kehidupan muslim.

---

---

---

[2 markah]

- (ii) Terangkan langkah yang boleh anda lakukan bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan amalan akidah yang salah.

---

---

---

---

[4 markah]

## Bahagian D

1. (a) (i) Nyatakan **dua** contoh ibadat khusus.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

[2 markah]

Wuduk dan kesihatan mempunyai perkaitan yang rapat

- (ii) Huraikan pernyataan di atas.

---

---

---

---

[4 markah]

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Harus	Wajib	Haram	Sunat
-------	-------	-------	-------

- (i) Khadijah telah berwuduk dengan menggunakan air perigi. \_\_\_\_\_
- (ii) Zahrah memakai selipar ketika masuk ke tandas. \_\_\_\_\_
- (iii) Amir memakai pakaian yang telah terkena air kencing kucing untuk menunaikan solat subuh. \_\_\_\_\_
- (iv) Munir membasuh tandas rumahnya pada setiap minggu. \_\_\_\_\_

[4 markah]

(c) Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah mengenai ibadat umum.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (✗)
(i)	Ibadat yang meliputi segala aspek kehidupan.	
(ii)	Berkaitan dengan hubungan manusia sesama manusia atau makhluk lain.	
(iii)	Telah ditetapkan oleh syariat Islam dari segi cara, rukun dan syaratnya.	

[3 markah]

(d) Jelaskan **dua** cara menyucikan najis mukhaffafah.

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

(e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Ibadat merupakan pengabdian diri (manusia / hamba) secara berterusan kepada Pencipta-Nya.
- (ii) Tujuan utama manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk (berakh�ak / beribadat) kepada-Nya.
- (iii) Jika sesuatu ibadat dilaksanakan dengan niat yang (betul / ikhlas) kerana mencari keredaan Allah SWT akan diberi ganjaran pahala.

[3 markah]

2. (a) (i) Nyatakan **dua** contoh benda kesat untuk beristinjak.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

[2 markah]



Antara adab qada hajat ialah memakai selipar dan menutup kepala

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah adab-adab qada hajat harus diamalkan?

---



---



---



---

[4 markah]

- (b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Harus	Wajib	Haram	Sunat
-------	-------	-------	-------

- (i) Laili beristinjak menggunakan air sungai. \_\_\_\_\_
- (ii) Zuraini beristinjak menggunakan daun kering. \_\_\_\_\_
- (iii) Mustaqim beristinjak menggunakan tulang ikan. \_\_\_\_\_
- (iv) Sidek beristinjak menggunakan kain sutera milik isterinya. \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (c) Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah mengenai cara menyamak kulit binatang.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (✗)
(i)	Sediakan bahan yang bersifat menghakis untuk menyamak seperti tawas dan bahan kimia.	
(ii)	Basuh kulit dengan air tanah sebanyak enam kali.	
(iii)	Buang lendir, lemak dan darah yang melekat pada kulit.	

[3 markah]

- (d) Jelaskan **dua** adab qada hajat.

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]


- (e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Najis dari segi bahasa ialah semua benda yang (busuk / kotor).
- (ii) Najis terbahagi kepada tiga jenis, iaitu (mazmumah / mukhaffafah), mutawassitah dan mughallazah.
- (iii) Produk berdasarkan kulit yang dibuat daripada kulit khinzir boleh dikesan dengan melihat bintik berbentuk segi (empat / tiga) yang ada pada produk tersebut.

[3 markah]

## Bahagian E

1. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

- (b) Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah mengenai akhlak buruk masyarakat jahiliah.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (✗)
(i)	Perzinaan berleluasa.	
(ii)	Berperang kerana perkara yang kecil.	
(iii)	Pewarisan harta untuk lelaki dan perempuan.	

[3 markah]

- (c) Masyarakat Arab jahiliah mempunyai perilaku baik yang diiktiraf sebagai akhlak mahmudah dalam Islam.

Jelaskan **empat** perilaku baik mereka.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

syafaat	benci	riyak	mulia	sombong
---------	-------	-------	-------	---------

- (i) Orang yang berakhlik mahmudah mendapat kedudukan yang tinggi dan \_\_\_\_\_ di sisi Allah SWT.
- (ii) Seseorang yang tidak memelihara akhlak akan di \_\_\_\_\_ oleh manusia.
- (iii) Orang yang sentiasa memelihara akhlak akan mendapat \_\_\_\_\_ dan rahmat Allah SWT pada hari akhirat.
- (iv) Salah satu contoh akhlak mazmumah dengan manusia ialah \_\_\_\_\_.

[4 markah]

Salah satu akhlak mahmudah ialah syukur.

- (e) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mengamalkan sifat syukur dalam menuntut ilmu?

---



---



---

[4 markah]


- (f) Terangkan **dua** tujuan memelihara akhlak.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

2. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

- (b) Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah mengenai sumbangan khalifah Ali bin Abi Talib.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (✗)
(i)	Berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara.	
(ii)	Meneruskan kutipan jizyah.	
(iii)	Membina angkatan tentera laut.	

[3 markah]

- (c) Sayidina Abu Bakar merupakan khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Jelaskan **empat** sifat peribadi beliau.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

syafaat	darjat	negatif	susah	berjihad
---------	--------	---------	-------	----------

- (i) Allah SWT meninggikan \_\_\_\_\_ orang yang berilmu mengatasi kedudukan orang yang berharta.
- (ii) Orang yang keluar dari rumah dengan niat mencari ilmu ibarat \_\_\_\_\_ di jalan Allah SWT.
- (iii) Orang yang tidak beradab ketika menuntut ilmu akan mudah terpengaruh dengan unsur \_\_\_\_\_.
- (iv) Salah satu akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu ialah \_\_\_\_\_ mengingati ajaran guru.

[4 markah]

Antara adab menuntut ilmu ialah menjauhi maksiat dan perkara mungkar.

(e) Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mengamalkan adab ketika menuntut ilmu?

---

---

---

---

[4 markah]

(f) Jelaskan **dua** kepentingan beradab ketika menuntut ilmu.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]